

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG TACK [BENTONG]

TARIKH : 19 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan status terkini proses kelulusan pembinaan PDF Lynas, termasuk kelulusan EIA, lokasi PDF dan kontraktor yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 28 Julai 2020, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom telah meluluskan tapak cadangan bagi pembinaan PDF Lynas dengan keluasan 12.2 hektar di dalam kawasan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Pahang. Lokasi yang dimaksudkan adalah di Tapak Pelupusan Sisa Industri Berjadual Pelbagai Kategori di Bukit Ketam, Mukim Kuala Kuantan, Kuantan, Pahang dengan keluasan 202.36 hektar.

Walau bagaimanapun, kelulusan ini tertakluk kepada Kajian Radiological Impact Assessment (RIA), Kajian Environmental Impact Assessment (EIA) dan lain-lain keperluan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)/ Persekutuan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua,

Bidang Rujukan (*Term of Reference, TOR*) Laporan EIA bagi cadangan projek bertajuk *Proposed Developement of A Dedicated Long-Term Storage Facility For The Water Leach Purification Residue At Bukit*

NO. SOALAN : 24

Ketam in Mukim Kuantan, Daerah Kuantan, Pahang Darul Makmur telah dihantar ke Jabatan Alam Sekitar pada 15 September 2020. Pemaju projek adalah Lynas Malaysia Sdn Bhd manakala perunding adalah AGV Environment Sdn Bhd.

Mesyuarat Jawatankuasa Bagi Membincangkan Terma Rujukan (TORAC) telah diadakan pada 13 Oktober 2020. TOR berkenaan tidak dapat disahkan dan perlu dikemaskini dengan mengambil kira ulasan agensi-agensi dan individu yang dilantik semasa Mesyuarat TORAC. TOR baru yang telah dikemaskini telah di hantar ke Jabatan Alam Sekitar pada 27 Oktober 2020 dan sedang diproses.

Sekian, terima kasih.